

cyBerita: Lelaman Internet Berita Harian Singapura.

[Singapura](#)

Lebih 100 pelajar ikuti program kerjaya anjuran Kelab Mendaki

ADA yang ingin mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya selepas tamat sekolah.

Ada juga yang mahu mendapatkan panduan mengenai kemahiran yang diperlukan dalam kerjaya.

Tidak kurang juga yang datang dengan fikiran terbuka dan menyertai pelbagai kegiatan yang diadakan dalam Program Pembangunan Bakat (TDP) anjuran Kelab Mendaki (MClub) semalam.

Lebih 100 pelajar posmenengah seperti politeknik, maktab rendah dan madrasah menghadiri acara selama sehari yang diadakan di auditorium OnePeople.sg di Toa Payoh.

Presiden MClub, Encik Aaron Shahril Yusoff Maniam, berkata TDP membuka peluang agar pelajar memahami cabaran yang bakal mereka hadapi apabila memasuki alam pekerjaan.

'Dengan cara itu, mereka boleh membuat persiapan untuk menghadapinya,' kata Encik Aaron.

Pada sesi tersebut, peserta turut diberi taklimat oleh karyawan dalam industri-industri tertentu.

Antara karyawan yang berkongsi pengalaman industri mereka ialah Cik Siti Nurhanna Riduan (Penyelidikan Saintifik), Dr Muhd Farhan Mohd Fadil (Perubatan), Ustaz Nazirudin Mohd Nasir (Sektor Agama), Encik Muhamad Imaduddin (Undang-Undang) dan Encik Noor Hashim (Teknologi Maklumat).

Dalam rangka program tersebut, beberapa bengkel turut diadakan. Satu daripadanya ialah 'Cara Memenangi Perang Bakat'.

Fasilitator bengkel tersebut, Cik Iva Aminuddin, berkata:

'Kehadiran peserta dalam program ini merupakan langkah pertama yang baik.

'Mereka dapat mengenali peluang-peluang yang terbuka bagi mereka kerana landskap pekerjaan kerap berubah.

'Kami dapati ramai pelajar masih belum tahu apa yang akan mereka lakukan setelah tamat sekolah, justeru, ini peluang baik bagi mereka membuat perancangan awal.'

Namun, ada juga peserta yang sudah membuat perancangan kerjaya mereka.

Cik Masayu Lynn Masagos Abdul Karim, 17 tahun, misalnya mahu menceburi bidang undang-undang.

'Saya ingin mendengar kisah peguam yang akan berkongsi pengalaman mereka dalam sesi kerjaya hari ini,' katanya.

Seorang lagi peserta ialah Cik Nazhiffi Muhammad Nur, 17 tahun.

Pelajar tahun pertama Maktab Rendah Saint Andrews itu ingin menjadi doktor gigi.

Selain mendengar ceramah dan mengambil bahagian dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan TDP juga memberi peluang kepada peserta melebarkan rangkaian kerja mereka.